



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG**

MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2016

BAHASA MELAYU

Kertas 1

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM**.

Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Bahagian A

(30 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	- menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas dan tepat - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik - idea relevan, huraihan jelas dan matang
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	- menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - idea relevan, huraihan jelas
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	- masih menepati tema bahan rangsangan - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca masih betul dan tepat

		<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan kosa kata umum - wacana masih lengkap, unsur bahasa masih bervariasi - idea masih relevan, huraihan masih jelas
Kurang Memuaskan	10 -14 (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> - masih/kurang menepati tema bahan rangsangan - bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat - kesalahan tatabahasa/ejaan ketara - penggunaan kosa kata terhad - wacana kurang lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi - idea masih/kurang relevan, huraihan masih/kurang jelas
Pencapaian Minimum	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> - murid tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis - murid tidak memahami tema bahan rangsangan - idea tidak menepati tema bahan rangsangan

- Catatan :
- Tiada pemotongan markah bagi setiap kesalahan ejaan
 - Calon digalakkan menggunakan ungkapan menarik (peribahasa, kata-kata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud al-Quran dan sebagainya)

Bahagian B

Perincian Pemarkahan

Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang
5. Cara menanda kesalahan isi , ejaan dan tanda baca :

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

 = Kesalahan tanda baca

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka**(100 markah)****KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat - penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis - ejaan dan tanda baca betul - laras bahasa sesuai dengan tugasan - penggunaan kosa kata luas dan tepat - idea yang relevan mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan unsur bahasa bervariasi - gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat - penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - ejaan dan tanda baca betul - laras bahasa sesuai dengan tugasan

		<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan kosa kata luas dan tepat - idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan unsur bahasa bervariasi - gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
BAIK	51 – 65 (58 -65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai - penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - penggunaan kosa kata umum - laras bahasa sesuai mengikut tugasan - idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai - wacana masih lengkap - penggunaan unsur bahasa masih bervariasi - gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan
	36 – 50	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata terhad - ayat kurang gramatis - ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang

MEMUASKAN	(43 – 50)	minimum
	(36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> - laras bahasa kurang sesuai - idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai - wacana masih/kurang lengkap - penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi - gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan
KURANG MEMUASKAN	21 – 35	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan kata kurang tepat - ayat tidak gramatis tetapi masih difahami - terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea masih relevan/idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang - Unsur bahasa tidak bervariasi/lemah - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah

PENCAPAIAN MINIMUM	01 – 20	<ul style="list-style-type: none"> - keseluruhan karangan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis
	(11 – 20)	<ul style="list-style-type: none"> - kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara
	(01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> - idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai
		<ul style="list-style-type: none"> - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik - keseluruhan karangan sukar/tidak difahami


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam kehidupan**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

KEBAIKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)



SKEMA JAWAPAN MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM BAHASA MELAYU KERTAS 1 2016

BAHAGIAN A

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam kehidupan**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

Tugasan – Kebaikan teknologi maklumat dan komunikasi

- Dapat berkongsi pendapat dan mengeratkan hubungan dengan rakan-rakan melalui beberapa cara seperti e-mel, Whatsapp, Telegram , Twitter, Facebook dan sebagainya.
- Dapat memperoleh pelbagai maklumat yang dapat digunakan dalam pelbagai urusan harian.
- Urusan perniagaan dapat dijalankan dengan lebih lancar, cepat, dan sistematik.

BAHAGIAN B
(100 Markah)

(Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Anda seorang warganegara yang mempunyai semangat cinta akan negara. Jelaskan cara-cara untuk menunjukkan semangat kecintaan terhadap negara anda.
2. Amalan kejiranan semakin terpinggir dalam masyarakat pada masa ini. Masyarakat semakin melupakan amalan bergotong-royong, kunjung-mengunjungi, dan bertegur sapa sesama jiran. Dalam hal ini, keluarga berperanan penting untuk menghidupkan amalan kejiranan ini agar menjadi ikutan anak-anak.

Ulas pernyataan ini.

3. Sebagai pegawai kesihatan anda diminta menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan Pengambilan Makanan Segera dan Makanan Ringan Terhadap Kesihatan' kepada masyarakat di tempat anda.

Sediakan teks ceramah anda itu selengkapnya.

4. Hubungan diplomatik dengan negara-negara serantau dan antarabangsa adalah amat penting.

Ulaskan pendapat anda tentang kepentingan Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain.

5. Perwatakan watak utama dalam sebuah novel yang telah anda baca, banyak mengandungi keistimewaan yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan.

Bincangkan

**SKEMA JAWAPAN MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM BAHASA MELAYU KERTAS 1
2016**

BAHAGIAN B

1 Anda seorang warganegara yang mempunyai semangat cinta akan negara. Jelaskan cara-cara menunjukkan semangat kecintaan terhadap negara anda .

Cadangan Idea/Isi:

1. Menghormati dan menghayati lagu-lagu patriotik
2. Meningkatkan ilmu tentang sejarah negara – sebagai persediaan masa hadapan
3. Menghargai jasa pejuang-pejuang negara
4. Melawat ke tempat-tempat bersejarah – dapat melahirkan semangat juang
5. Menyertai program dan sambutan Hari Kebangsaan

2 Amalan kejiranan semakin terpinggir dalam masyarakat pada masa ini. Masyarakat semakin melupakan amalan bergotong-royong, kunjung-mengunjungi, dan bertegur sapa sesama jiran. Dalam hal ini, keluarga berperanan penting untuk menghidupkan amalan kejiranan ini agar menjadi ikutan anak-anak.

Ulas pernyataan ini.

Cadangan Idea/Isi:

1. Ibu bapa berperanan memberi tunjuk ajar cara berjiran dengan baik – berbudi bahasa dan menghormati jiran tetangga.
2. Ibu bapa berperanan sebagai suri teladan kepada anak-anak – menyokong dan menjayakan amalan kejiranan - Meluangkan masa untuk turut serta dalam program kejiranan – bergotong royong
3. Bertegur sapa dan berkenal-kenalan dengan jiran tetangga.
4. Mengunjungi jiran – sakit , memenuhi undangan perkahwinan, atau sambutan perayaan
5. Ibu bapa menggalakkan dan bersama-sama dengan anak-anak menyertai program amalan kejiranan

3 Makanan segera dan makanan ringan seperti burger, mi segera dan kentang goreng telah menjadi makanan pilihan masyarakat kini. Sebagai pegawai kesihatan anda diminta menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan Pengambilan Makanan Segera dan Makanan Ringan Terhadap Kesihatan' kepada masyarakat di tempat anda.

Sediakan teks ceramah anda itu selengkapnya.

Tugasan Soalan:

Diharapkan murid dapat menyediakan teks ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan Pengambilan Makanan Segera dan Makanan Ringan Terhadap Kesihatan' kepada masyarakat di tempat anda dengan menggunakan format yang betul.

Pendahuluan.

Cadangan Idea/Isi:

1. Mengurangkan daya ketahanan badan dalam jangka panjang.
2. Menjejaskan daya ingatan kepada golongan kanak-kanak.
3. Menyebabkan risiko kegemukan.
4. Tumbesaran harian yang tidak seimbang.
5. Mudah mengalami keracunan makanan.

4 Hubungan diplomatik dengan negara-negara serantau dan antarabangsa adalah amat penting.

Ulaskan pendapat anda tentang kepentingan Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain.

Cadangan Idea/Isi:

1. Memperluas jalinan hubungan diplomatik dalam dasar luar negara
 - o menjalinkan persefahaman dan hubungan bilateral dan multilateral (hubungan dua hala dan pelbagai hala) dengan kerajaan di seluruh dunia.
 - o agar dunia mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka.
 - o mengelak perasaan curiga dan prejudis dalam kalangan masyarakat dunia.
2. Mewujudkan jalinan sosial, ilmu, dan budaya di peringkat global
 - o menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan global
 - o mengeksport dan mengimport sumber maklumat dan ilmu pengetahuan melalui jaringan kerjasama di bawah badan dunia seperti UNESCO
 - o mengenali cara hidup budaya dan adab resam pelbagai masyarakat dunia.
 - o menjalinkan persefahaman melalui misi sukan, kerja amal dan sumbangan kemanusiaan.
3. mewujudkan rangkaian ekonomi dan perdagangan global
 - o memperluas pasaran di peringkat global
 - o memperkenalkan produk Malaysia di pasaran antarabangsa
 - o menjalinkan hubungan dagang dan memperluas pasaran global
 - o menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia
4. mewujudkan jaringan serantau dan antarabangsa
 - o mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti antarabangsa
 - o persidangan tentang siasah, ekonomi, sosial, dan keamanan
 - o menjaga kebajikan negara-negara serumpun dan serantau(ASEAN), negara-negara merdeka (KOMANWEL), kebudayaan (OIC) , dan dunia (PBB)

5. memenuhi tanggungjawab sosial untuk hidup sebagai warga dunia yang bersatu padu
 - o menghormati hak asasi manusia untuk hidup bebas, berdaulat, dan diiktiraf
 - o tidak bersikap mementingkan diri dan boleh berada dalam kelompok masyarakat dunia.
 - o memperluas sistem rangkaian maklumat global dan jalinan maklumat siber
 - o membangunkan minda dan peribadi bangsa Malaysia agar setanding dengan warga dunia.

5 Perwatakan watak utama dalam sebuah novel yang telah anda baca, banyak mengandungi keistimewaan yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan.

Bincangkan.

Tugasan soalan:

Murid dapat menulis keistimewaan-keistimewaan perwatakan watak utama yang terdapat dalam sebuah novel yang telah dibaca untuk dijadikan panduan dalam kehidupan.

Cadangan Idea/Isi :

Contoh novel Jendela Menghadap Jalan

Watak utama Lili,

1. Seorang yang prihatin – prihatin atas nasib Rafiq dan Haziq kerana berpunca dari masalah keluarga yang dihadapi walaupun mereka pernah menculik Lili.
 - menjenguk Che Jah untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang latar belakang Haziq dan Rafiq.
2. Seorang yang penyayang – sayang kepada ibu bapanya dengan mentaati mereka supaya menghabiskan cuti persekolahannya di kampung ibunya.
3. Seorang yang sanggup berkorban
 - o sanggup menghabiskan cuti persekolahannya bersama dengan datuk dan neneknya di kampung
4. Seorang yang berani
 - o berani berhadapan dengan ketegangan yang berlaku dalam keluarga Che Jah.
5. Seorang yang mesra
 - o mesra dengan Danel dan sama-sama berbincang untuk pembinaan masjid baharu di kampung itu.

Calon-calon dapat mengaitkan keistimewaan-keistimewaan perwatakan watak utama untuk dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan.